



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
 BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
 TINGKAT 17, 18, 19 & 20, BANGUNAN PERKIM
 JALAN IPOH,
 51200 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-40457001
 Fax : 03-40454846
 03-40427362
 03-40427363

Ruj.Kami: (34) dlm. KKM 510-2/3/4
 Tarikh: 13 Februari 2009

TTkn (Injuman)
Tindakan
Sila selamatkan

DR TAN ENOCH
 Timbalan Pengerah Kesihatan Negeri
 MMC NO 22959
 Bahagian Perubatan
 Jabatan Kesihatan Negeri Bahah

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

TAWARAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA UNTUK MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT Ph.D DAN SARJANA SESI 2010 OLEH JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menawarkan Hadiah Latihan Persekutuan bagi Pegawai Perkhidmatan Gunasama untuk mengikuti pengajian peringkat Ph.D dan Sarjana sesi 2010. Pegawai Perkhidmatan Gunasama di Kementerian Kesihatan Malaysia adalah merujuk kepada pegawai yang berada di dalam skim perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan Pegawai Teknologi Maklumat.

3. Permohonan boleh dibuat melalui permohonan atas talian (*on-line application*) di portal JPA www.jpa.gov.my. Permohonan tersebut dibuka mulai 3 Februari 2009 hingga 6 Mac 2009. Butiran lanjut mengenai tawaran ini dan syarat-syaratnya juga boleh didapati di portal JPA.

4. Sehubungan itu, semua Ketua Jabatan adalah dipohon untuk memaklumkan perkara ini kepada pegawai-pegawai yang berkenaan di bawah seliaan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(WONG TOON KENG
 Bahagian Pengurusan Latihan
 b.p. Ketua Setiausaha
 Kementerian Kesihatan Malaysia

PERUBATAN	
Unit	No. Bilik
KPP1	
KPP2 (Ukaps)	
PP (Kanan)	
PTD (Ked)	
PPP	
KPJ	

